

**KAJIAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN CAKERA PADAT
MICROSOFT POWER POINT DALAM PROSES P&P BAGI
SUBJEK PERAKAUNAN KEWANGAN SATU DI POLITEKNIK**

SUHAILI BINTI YUSOF

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik Dan Vokasional)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Teristimewa Buat:

*Ayahanda dan Bonda
Yusof Bin Idris dan Zaiton Binti Bakar
Segala Jasa dan Pengorbananmu
Tidak Mungkin Terbalas
Sehingga Akhir Hayatku*

*Kekanda dan Adinda yang disayangi
Haryati, Mohd Sukri, Noorlela, Kazimah dan Siti Aisah
Semoga Kebahagiaan Milik Kita Sekeluarga buat Selama-lamanya*

*Serta rakan-rakan yang memahami
Yong, Yatt, Lin, Ma, Awin, Vin, Nira, Ayu dan Syahirul
Bimbingan Dan Dorongan
Kalian Merupakan
Pembakar Semangatku
Terima Kasih Di Atas Segalanya*

*Semoga diberkati Allah s.w.t
Amin*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w. Setinggi-tinggi kesyukuran kerana dengan limpah taufik dan hidayahnya dapat saya menyiapkan projek sarjana ini.

Ucapan ribuan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Tuan Haji Iliyas bin Haji Hashim di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakkan, dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini sehingga terhasilnya kajian ini.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada pihak Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang kerana memberikan kerjasama sepenuhnya dalam mendapatkan data kajian yang diperlukan. Tidak dilupai juga kepada semua rakan-rakan yang telah banyak membantu dan dorongan, kalian adalah pembakar semangat dalam menyiapkan projek sarjana ini.

ABSTRAK

Dalam dunia pendidikan sebenar, pelbagai kaedah pengajaran boleh digunakan termasuklah penggunaan komputer. Kajian ini dijalankan bagi menghasilkan bahan pengajaran yang berasaskan komputer bagi mata pelajaran Perakaunan Kewangan Satu di Politeknik serta melihat kesannya terhadap pencapaian pelajar. Kajian ini menggunakan sampel sebanyak 90 orang pelajar Politeknik Seberang Perai Pulau Pinang yang mengambil mata pelajaran Perakaunan Kewangan Satu yang terdiri daripada pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Perakaunan. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan *Statistical Program For Social Science* (SPSS) *Version 11.0*. Statistik yang digunakan untuk menganalisis data ialah jenis deskriptif statistik seperti min, sisihan piawai, dan juga ujian t. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara sebelum dan selepas penggunaan ABBM yang dibangunkan dalam prestasi pelajar. Hasil kajian ini menunjukkan nilai keseluruhan min bagi peningkatan prestasi pelajar adalah 3.21 manakala aspek penerimaan pelajar pula adalah 3.17. Ini menunjukkan bahawa ABBM yang dibangunkan adalah amat sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT

In education field, there are lots of teaching methods that have been exploited today and one of the methods is computer learning. This research is to study about development of computer based learning tool and this study also attempt to evaluate the effectiveness of the learning tool in the aspect of teaching and learning. Respondent for this study consist 90 students of Polytechnic Seberang Perai, taking Financial Accounting 1. The data analyzed by using '*Statistical Packages For Social Science*' (SPSS) *Version 11.0* which were represents by mean scores, standard deviation and t-test function. Initial results indicate that students enjoy using the learning tool and the source used to build is applicable. The findings show in term of contents and instructional design were at the high level. The hypothesis testing indicated that there are statistical significant differences between before and after used the learning tool in teaching and learning process. The results of this study have shown that mean of student performance is 3.21 and understanding aspect is 3.17. It's clearly approved that learning tool produced are appropriate as a learning and teaching resources.



PTIA (PERPUSTAKAAN INSTITUT AMINAH)

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL

i

HALAMAN PENGAKUAN

ii

HALAMAN DEDIKASI

iii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xiii

SENARAI LAMPIRAN

xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Hipotesis Kajian	7
1.6	Objektif Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Skop Kajian	9

1.9	Definisi Konseptual	10
1.10	Limitasi Kajian	12

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Media Pengajaran	14
2.3	ABBM dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.4	Kriteria dalam Pemilihan ABBM	20
2.5	Kelebihan Penggunaan ABBM	22
2.6	Penggunaan Microsoft Power Point Sebagai ABBM	24
2.7	Kerangka Teori	25
2.8	Pembelajaran atau Pengajaran Berbantuan Komputer	26
2.9	Reka bentuk Pembinaan Modul Pengajaran	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	29
3.4	Instrumen Kajian	30
3.5	Prosedur Pengumpulan data	32
3.6	Analisis Data	33
3.7	Kajian Rintis	35
3.8	Andaian	36



BAB 4 REKABENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	37
4.2	Teori Penghasilan produk	38
4.3	Objektif Produk Dihasilkan	38
4.4	Rekabentuk produk	39
	4.4.1 Penyediaan Slaid Power Point	39
	4.4.2 Komponen-Komponen ABBM	42
4.5	Kronologi Pembinaan Produk	43
4.6	Penilaian Produk	46
	4.7.1 Pemilihan dan Instrumen Penilaian Produk	46
	4.7.2 Sampel kajian yang akan Menilai Produk	46
	4.7.3 Fokus Penilaian	47
4.7	Masalah Dalam Menghasilkan Produk	47
4.8	Perkakasan, Menghasilkan Produk	48
4.9	Kesimpulan	48

BAB 5 ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	49
5.2	Kajian Rintis	50
5.3	Pengesahan	50
5.4	Dapatan Kajian	51
	5.4.1 Item-item Bahagian Pencapaian Pelajar	52
5.5	Pengujian Hipotesis	62
5.6	Penilaian Responden (Pensyarah) Terhadap ABBM	64
5.7	Ulasan dan Komen	66
5.8	Rumusan	68

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	70
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	71
6.2.1	Kesesuaian Isi Kandungan ABBM	71
6.2.2	Reka bentuk Pengajaran	72
6.2.3	Penerimaan Pelajar	73
6.2.4	ABBM Meningkatkan Pencapaian	73
6.3	Cadangan Pembaikan Produk	74
6.4	Penutup	75

RUJUKAN 76

LAMPIRAN A	81
LAMPIRAN B	85
LAMPIRAN C	89
LAMPIRAN D	91
LAMPIRAN E	93
LAMPIRAN F	94
LAMPIRAN G	95



SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Pemeringkatan Likert	31
3.2	Ukuran Tahap Kecenderungan	34
5.1	Tahap Penerimaan Dan Prestasi Pelajar Ke atas Bahan Pengajaran	51
5.2	Keputusan SPSS maklum balas responden bagi item pertama	52
5.3	Keputusan SPSS maklum balas responden bagi item lebih mudah	53
5.4	Keputusan SPSS maklum balas responden bagi item lebih berkesan	54
5.5	Keputusan SPSS maklum balas responden bagi item boleh memotivasi	55
5.6	Keputusan SPSS maklum balas responden bagi item boleh digunakan pada masa depan	56
5.7	Keputusan SPSS maklum balas responden bagi item boleh meningkatkan kerjasama antara rakan.	57
5.8	Keputusan SPSS maklum balas responden bagi item dapat meningkatkan prestasi dalam subjek.	58
5.9	Skor Min Terhadap Prestasi Pelajar	59
5.10	Skor Min Terhadap Penerimaan Pelajar	60

5.11	Analisis Deskriptif Min Markah Ujian dan Nilai Signifikan	63
5.12	Peratus maklum balas responden yang bersetuju bagi setiap item	65
5.13	Komen dan Cadangan Responden	67



SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kaedah Pengajaran	17
2.2	Proses pengamatan dan pembentukan konsep	18
2.3	<i>Teori Cone of Experience</i>	19
2.4	Pemilihan media pengajaran dalam sistem reka bentuk pengajaran	22
2.5	Kerangka Teori	25
4.1	Kronologi Pembinaan Produk	44
4.2	Carta Alir Aktiviti Pembelajaran	45
5.1	Carta pai maklum balas responden bagi item ABBM digunakan boleh meningkatkan pencapaian pelajar.	52
5.2	Carta pai maklum balas responden bagi item lebih mudah	53
5.3	Carta pai maklum balas responden bagi item lebih berkesan	54
5.4	Carta pai maklum balas responden bagi item boleh memotivasikan	55
5.5	Carta pai maklum balas responden bagi item boleh digunakan pada masa depan	56
5.6	Carta pai maklum balas responden bagi item boleh meningkatkan kerjasama antara rakan	57
5.7	Carta pai maklum balas responden bagi item dapat meningkatkan prestasi dalam subjek	58
5.8	Carta bar menunjukkan peratusan responden yang bersetuju bagi setiap item	65

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Set Soal Selidik Untuk Pelajar	81
B	Set Senarai Semak Untuk Pensyarah	85
C	Alpha Cronbach Kajian Rintis	89
D	Alpha Cronbach Kajian Sebenar	91
E	Analisa Deskriptif	93
F	Ujian T	94
G	Jadual Kekarapan Setiap Item	95



PTITA UTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan pendidikan dari semasa ke semasa telah membawa banyak perubahan dalam aktiviti pengajaran di bilik darjah. Corak pengajaran masa kini telah mengalami banyak perubahan serta bertambah canggih. Pada masa dahulu pengajaran lebih kepada berpusatkan guru yang mana pelajar memainkan peranan pasif dengan mendengar tanpa berkesempatan untuk mengemukakan soalan tentang keraguannya. Pengajaran yang efektif merupakan pengajaran yang membolehkan pelajar memperoleh kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang telah ditetapkan. Pengajaran yang efektif juga merupakan pengajaran yang digemari oleh para pelajar. Pengajaran yang efektif ditentukan berasaskan data dan maklumat yang dikumpul dan didokumenkan (Mok Soon Sang, 2002).

Dalam konteks pendidikan formal, konsep pengajaran boleh diertikan sebagai suatu proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya murid-murid dapat mempelajari dan menguasainya dengan berkesan (Mok Soon Sang, 2002). Untuk mencapai matlamat tersebut, proses pengajaran haruslah dilaksanakan secara sistematik mengikut perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Pada hari ini, dapat dilihat corak pendidikan di Malaysia berkembang dengan pesatnya. Proses

perkembangan ini selaras dengan arus perkembangan dunia sejangat. Dapat dilihat di sini pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran diketengahkan dalam semua peringkat pengajian.

Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) pendidik perlu bijak memilih bahan yang sesuai supaya maklumat boleh disampaikan dengan tepat kepada pelajar. Bentuk pengajaran yang digunakan akan menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan penggunaan ABBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Ledakkan arus globalisasi pada hari ini turut memberikan impak dalam dunia pendidikan negara. Sistem pendidikan lebih terbuka dan berlakunya pendemokrasian dalam pendidikan. Pelajar juga bebas memilih mata pelajaran yang disukai begitu juga dengan gaya pembelajaran seseorang yang pelbagai. Gaya pembelajaran dan pengajaran juga perlu dipelbagaikan mengikut arus teknologi bukan hanya bergantung pada satu cara sahaja (Nur Farrah Azwa, 2003). Pendidikan hari ini juga tidak terlepas dengan pelbagai masalah mengenai tahap pencapaian pelajar, kecemerlangan akademik dan lain-lain lagi. Menurut Ismail Zain (2001) salah satu faktor yang menyebabkan hilang minat terhadap sesuatu mata pelajaran ialah kekeliruan atau ketidakfahaman mengikuti pelajaran khususnya yang berbentuk teori semata-mata. Namun setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran tersendiri yang diamalkan untuk memastikan mereka mencapai kejayaan. Usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh menjamin kecemerlangan seseorang pelajar (Hassan Mohd Ali, 1991).

Terdapat pelbagai kaedah yang dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan antara teknik yang terbaru ialah pembelajaran berasaskan internet atau teknologi maklumat. Pendidikan negara pada hari ini perlu diselarasakan dengan perkembangan teknologi, ini kerana penggunaan teknologi pada hari semakin meluas. Peralihan proses pengajaran dan pembelajaran dari kaedah tradisional kepada penggunaan alat bantuan mengajar (ABBM) seperti penggunaan media elektronik dan bukan elektronik merupakan satu perkembangan yang baik. Penggunaan media teknologi dalam pendidikan juga boleh meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Fatimah (1980) dalam Nasibah Omar (2000) pembelajaran yang berkesan dapat dicapai dengan melibatkan semua deria secara serentak. Manakala menurut Mok Soon Sang (2002), maklumat yang diperolehi oleh manusia adalah melalui deria penglihatan iaitu sebanyak 75%, dan deria pendengaran sebanyak 13%. Ini menunjukkan sumber utama pemerolehan pengetahuan pelajar adalah melalui penglihatan dan pendengaran. Jadi, salah satu teknik yang boleh digunakan adalah penggunaan ABBM yang menarik dan kreatif.

Menurut Atan Long (1977) dalam Nasibah (2000), kaedah tradisional seperti menggunakan kapur, buku teks dan bercakap tidak lagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan penggunaan ABBM sebagai bahan tambahan boleh membantu pendidik menyampaikan isi pelajaran dengan senang dan juga mudah. Ini dapat menarik minat pelajar dan meningkatkan lagi motivasi diri pelajar kerana ABBM yang dihasilkan dapat menarik perhatian pelajar untuk belajar.

Pelbagai faktor persekitaran dapat mempengaruhi pembelajaran. Antaranya ialah kesediaan, motivasi, suasana sosio ekonomi, aras aspirasi para pelajar dan teknik penyampaian guru. Peranan guru dalam mewujudkan persekitaran yang sesuai dengan topik dan suasana pembelajaran juga adalah tertakluk kepada teknik penyampaian guru yang kreatif. Guru boleh menggunakan teknik-teknik penyampaian seperti projek dan uji kaji, kerja amali latihan yang mencukupi, perkaitan konsep baru dengan konsep lama,

pemeringkatan isi pelajaran, penggunaan berbagai sumber pengajaran dan pembelajaran (ABBM), contoh-contoh yang mencukupi, penyerapan dan pengabungjalinan dan pemindahan pembelajaran ke situasi yang baru

Mata pelajaran Perakaunan Kewangan 1 merupakan mata pelajaran yang berbentuk teori dan juga pengiraan. Pensyarah biasanya menyediakan nota edaran untuk dirujuk oleh pelajar. Oleh itu, melihat kepada perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan sesuatu penyampaian isi pengajaran dan nota boleh disampaikan melalui komputer. Pengajaran berbantuan komputer akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perakaunan Kewangan 1 lebih menyeronokkan dan menarik.

Tidak dapat dinafikan sehingga kini, ramai pendidik berjaya sebagai penyebar ilmu menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Walau bagaimanapun menurut Yusup Hashim (2000), perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah mengubah cara pendidik mengajar dan pelajar belajar. Proses pengajaran tradisional kini perlu disokong oleh bahan pengajaran berbantu komputer bagi menarik minat pelajar untuk belajar.

Teknologi maklumat merupakan satu proses sistematik dan menyeluruh dari peringkat merekabentuk, pelaksanaan dan penilaian proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan peralatan teknologi tetapi ia juga melibatkan sumber manusia. Teknologi maklumat merupakan alat, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk membuat komunikasi di antara guru dan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Tetapi sejauh manakah bahan pengajaran seperti ini diaplikasikan di dalam persekitaran pendidikan di politeknik?

1.3 Penyataan Masalah

Proses pembelajaran berlaku di mana-mana tempat tanpa mengira masa. Pembelajaran merupakan proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan (Mok Soon Sang, 2002). Kaedah pembelajaran yang berkesan oleh pelajar memberi impak yang baik kepada pelajar tersebut. Memang diakui bahawa pembelajaran berasaskan komputer dan teknologi maklumat adalah proses yang terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Ia bukan sahaja diamalkan di institut pengajian tinggi malah turut diamalkan di persekolahan biasa.

Strategi pengajaran dan pembelajaran merupakan rancangan untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu pelajaran. Ia melibatkan penggunaan kaedah dan teknik untuk menyampaikan maklumat pelajaran. Pemilihan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai akan menjamin keberkesanan penyampaian sesuatu pengajaran serta pencapaian objektifnya secara umum (Mok Soon Sang, 2002).

Berdasarkan pengalaman semasa menjalankan latihan mengajar di Politeknik Seberang Perai serta temu bual tidak formal dengan beberapa orang pensyarah Perakaunan Kewangan 1, mendapati pensyarah hanya menggunakan nota edaran dalam proses P&P bagi mata pelajaran Perakaunan Kewangan 1. Sedangkan menurut Yusup Hashim (2002), ABBM merupakan sumber yang boleh membantu dalam penyampaian pengajaran. Tambah beliau lagi, satu cara untuk menambahkan interaksi dan minat pelajar dalam sesuatu mata pelajaran adalah melalui kaedah pengajaran berbantu komputer.

Oleh itu, untuk mengelakkan seseorang pelajar hilang minat terhadap sesuatu mata pelajaran, satu kaedah pengajaran yang berbantu komputer barangkali boleh dilaksanakan. Kajian ini berhasrat untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan penggunaan bahan pengajaran Microsoft Power Point bagi subjek P2201 Perakaunan

Kewangan Satu di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang ini dapat menarik minat dan melihat penerimaan pelajar serta pencapaian pelajar terhadap bahan pengajaran yang di bangunkan.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian berikut diharap dapat dijawab melalui kajian ini.

1. Adakah ABBM yang dihasilkan ini menepati isi kandungan matapelajaran P2201 Perakaunan Kewangan Satu?
2. Adakah ABBM yang dihasilkan menepati rekabentuk pengajaran (*Instructional Design*)?
3. Sejauhmanakah penerimaan pelajar terhadap ABBM yang dihasilkan?
4. Adakah terdapat perbezaan pencapaian pelajar apabila ABBM yang dibina digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran P2201 Perakaunan Kewangan Satu?

1.5 Hipotesis Kajian

Dalam penyelidikan ini terdapat dua hipotesis yang dikenal pasti untuk diuji bagi menjawab persoalan kajian yang keempat.

- Ho Tidak terdapat perbezaan signifikan antara tahap pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan ABBM
- H₁ Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian pelajar sebelum dan selepas penggunaan ABBM

1.6 Objektif Kajian

Berikut adalah beberapa objektif yang ingin dicapai daripada penyelidikan yang dijalankan iaitu:

1. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan pencapaian pelajar apabila menggunakan ABBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Perakaunan Kewangan Satu.
2. Untuk menghasilkan ABBM yang menepati isi kandungan matapelajaran Perakaunan Kewangan Satu.
3. Untuk menghasilkan ABBM yang menepati rekabentuk pengajaran (Instructional Design).

kepada pensyarah dalam menggunakan teknologi maklumat secara menyeluruh dalam pengajaran.

1.7.3 Politeknik

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat khususnya politeknik supaya dapat menggunakan alat dan bahan bantu mengajar berasaskan komputer ini secara menyeluruh di politeknik di Malaysia. Ia juga dapat menyumbangkan kepada salah satu cara pembelajaran yang baru dalam bidang teknikal selari dengan perkembangan pesat teknologi terkini.

1.8 Skop Kajian

Pengkaji hanya akan mengkaji keberkesanan penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji hanya membandingkan antara pembelajaran secara tradisional dengan pembelajaran menggunakan Microsoft Power Point sebagai ABBM yang digunakan oleh pendidik dapat meningkatkan prestasi dan minat pelajar mengenai subjek yang diikuti di politeknik. Pengkaji mengabaikan penggunaan pembelajaran yang lain.

1.9 Definisi Konseptual

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu diberi definisi supaya pemahaman terhadap istilah-istilah itu jelas terutamanya dalam konteks kajian ini. Takrif tentang istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.9.1 Keberkesanan

Merujuk kepada Kamus Dewan (2000) keberkesanan bermaksud perihal kesan sesuatu tindakan atau perbuatan. Kesan merujuk kepada tanda yang ditinggalkan sama ada baik atau buruk yang timbul daripada sesuatu kejadian.

1.9.2 Penggunaan

Menurut Kamus Dewan (2000) penggunaan bermaksud perihal perbuatan atau kegiatan menggunakan sesuatu barang. Dalam kajian ini penggunaan merujuk kepada perbuatan menggunakan alat bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran

1.9.3 Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM)

Alat bahan bantu mengajar bermaksud sumber atau komponen yang digunakan oleh guru dalam membantu penyampaian isi pengajaran kepada pelajar. ABBM merupakan segala sumber yang boleh digunakan untuk menyampaikan pengajaran seperti video, gambar, poster, rajah, komputer dan bahan rujukan. Dalam kajian ini, ABBM merujuk kepada Slaid Powerpoint dan nota edaran

1.9.4 Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam kajian ini pengajaran merujuk kepada perihal mengajar subjek P2201 Perakaunan Kewangan satu manakala Pembelajaran pula merujuk kepada proses atau kegiatan belajar. Untuk kajian ini pembelajaran merujuk kepada proses atau kegiatan belajar subjek tersebut.

1.9.5 Reka bentuk pengajaran (*Instructional Design*)

Menurut Patricia (1999)

Instructional Design refers to the systematic and flective process of translating principles of learning and instruction materials, activities, information resources and evaluation which is tested and proven methodology for developing instruction.

Daripada takrif, dapat dihuraikan bahawa reka bentuk pengajaran adalah metodologi yang telah diuji serta terbukti boleh diguna untuk membangunkan bahan pengajaran serta reka bentuk kandungan mata pelajaran yang telah diguna pakai di politeknik. Pengkaji telah menjalankan proses penentuan bahan pengajaran yang dibangunkan untuk melihat sama ada bahan pengajaran ini mengikut reka bentuk pengajaran bagi mata pelajaran yang dipilih.

1.10 Limitasi Kajian

Kajian yang akan dijalankan hanya tertumpu kepada pelajar semester dua yang mengambil subjek perakaunan kewangan satu di politeknik. Kajian ini menggunakan populasi pelajar Diploma Akauntansi dan Diploma Pengurusan Perniagaan yang sedang mengambil subjek Perakaunan Kewangan Satu di Politeknik Seberang Perai. Politeknik Seberang Perai dipilih kerana ianya mempunyai ciri-ciri umum politeknik-politeknik di seluruh negara. Jadi keputusan kajian yang didapati boleh menggambarkan atau mewakili keputusan kajian yang dilakukan di setiap politeknik seluruh negara. Selain itu, borang soal selidik digunakan hanya terhadap kepada objektif kajian. Sesetengah pelajar mungkin akan terpengaruh dengan jawapan pelajar lain semasa menjawab soal selidik tersebut

RUJUKAN

Ahmad Hj. Shahadan (1999). *Penggunaan Bahan Bantuan Mengajar Yang Menarik Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Dicapai pada 7 Februari 2003.

Daripada laman web:

<http://www.geocities.com/CollegePark/Stadium/2518/konvensen/khidup.htm>

Atan Long (1980). *Pedagogi – Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn Bhd.

Baharuddin Aris (2000). *Teknologi Pendidikan: Dari yang Tradisi Kepada yang Terkini*. Universiti Teknologi Malaysia.

Dick, W., and Reiser, R.A (1989). *Planning Effective Instruction*. New Jersey. Prentice Hall.

Edger Dale (1965). *Audio Method In Teaching*, New York: Hold Rinhard and Winstod

Engku Intan Norazlin Che Engku Husin (2002). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan)

Fadzillah Ariffin (2001). *Bahan Internet mampu tarik perhatian pelajar*. Dicapai pada 7 Februari 2003. Daripada laman web:

<http://www.moe.edu.my/smartschool/newweb/Akhbar/bh2072001.htm>

Ismail Zain (1994). *Keberkesanan Reka Bentuk Pengajaran Bersistem Di Kalangan Pelajar-pelajar sekolah Menengah* Disertasi Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

Ismail Zain (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Isrulhasriya Binti Ismail (2002). *Tinjauan Kesan Penggunaan Pakej Pengajaran Multimedia Ke atas Sikap pelajar Terhadap Proses Pembelajaran di Politeknik. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Tesis Pelajar Sarjana (Tidak diterbitkan)*

Jeyakumar Govindan (1998). *Penggunaan alat bantu mengajar oleh guru perdagangan di daerah Gombak*. Selangor: Universiti Malaya.

Kamus Dewan (2000). *Edisi Ketiga* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mok Soon Sang, (2002). *Siri pendidikan perguruan: Pedagogi untuk Kursus Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mok Soon Sang (1996). *Pendidikan di Malaysia untuk Diploma Pengurusan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mohd Dahalan, Mohd Ramli dan Ismail Zakaria. (1992). *Keberkesanan Penggunaan Alat dan Bahan Bantu Mengajar Peserta KPK dalam Pengajaran dan Pembelajaran – Satu Tinjauan*. *Jurnal Guru*.

Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad Hasan Abdul Rahman (2000). *Media Pengajaran*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia Skudai

Nasibah Omar (2000). *Persepsi Pensyarah Politeknik Terhadap ABBM Bidang Perdagangan yang disediakan oleh ITTHO*. Kolei Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan)

Noh bin Lasa (1999). *Penggunaan Kit Robot Sebagai Abm Dalam Mata Pelajaran KHB Sekolah Menengah*. Dicapai pada 7 Februari 2003. Daripada laman web: <http://www.geocities.com/CollegePark/Stadium/2518/konvensen/khidup.htm>

Noran Fauziah Yaacob (1994). *Teknologi Pengajaran*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd: Shah Alam.

Noraihan Ahmad @Mohamad (2003). *Penghasilan Modul Pengajaran Kendiri Bagi Mata Pelajaran Teknologi Katering*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Tesis Pelajar Sarjana (Tidak diterbitkan)

Nur Farrah Azwa Jasni (2003). *Penghasilan Modul Pembelajaran Kendiri Berbentuk CD Interaktif Subjek Undang-Undang Syarikat di Politeknik*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Tesis Pelajar Sarjana (Tidak diterbitkan)

Patricia L. Smith and Tillman J Ragan (1999). *Instructional Design*. USA. Prentice Hall.

Shaffe Mohd Daud (1995). *Penggunaan Media Pendidikan Untuk Pengajaran Pembelajaran Berkesan*. *Jurnal IPDA*. 6. 3-10.

Rootzin et.all (1999). *Learning With Technology:Contstructivist Perspective*. USA:
Prentice Hall

Shaharom Noordin (1994). Sikap Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bermodul: Satu
Kajian Rintis. *Jurnal Guru Keluaran* 6, 16 Mei 1994.

Shaharom Noordin (1996). *Kesan Modul Pengajaran Bermodul Bagi Ke atas
Perubahan Konsep dan Konsep Alternatif Pelajar Tingkatan Empat dalam
Pembelajaran Fizik*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pendidikan Sains
dan Matematik Universiti Teknologi Malaysia. 17-19 Oktober.

Shaharom Noordin & Dr Yap Kueh Chin (1991). Ke arah mengindividukan pengajaran
menerusi pengajaran bermodul. *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 7. hlm 89-105.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). *Teknologi pengajaran*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa
dan Pustaka.

Siti Haziana Binti Bujang (2001). *Sikap dan Persepsi Pelajar Sarjana Muda
Kejuruteraan Awam Terhadap Penggunaan Komputer dalam Proses pengajaran
dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (CAI-CAL) di Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO)*. Kolej Universiti Teknologi Tun
Hussien Onn: Tesis Pelajar. (Tidak diterbitkan)

Yusup Hashim (1993). *Penggunaan Teknologi Dalam Inovasi Pendidikan*. Kertas Kerja
Untuk Pengetua, Guru Besar, Guru Sumber Daerah Baling Dalam Seminar Pusat
Sumber Sekolah di Bangunan Peladang. Sungai Petani. Kedah.

Yusuf Hashim (1997). *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*. Shah Alam.
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Yusup Hashim (2000). *Teknologi Pengajaran*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.

Wierman, W. (1995). *Research Method In Education: An Introduction*. 9th. ED. London: Ally and Bacon

William M. Trochim (2002). *Likert Scaling*.
<http://trochim.human.cornell.edu/kb/scallik.htm>. Diakses pada 7 Februari 2003.

Zaidah Abdullah (2000). *Keberkesanan Penggunaan Pakej Persembahan Grafik Dalam Pengajaran Pendidikan Seni Tingkatan Empat (4)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5* :
Venton Publishing: Universiti Teknologi Malaysia.

Zaidatun Tasir dan Yap Sao Wen (2000). *Reka bentuk Perisian Multimedia Berasaskan Teori Pembelajaran, Pendapat Tenaga Pengajar dan Pelajar Serta Prinsip Reka Bentuk*. Konvensyen Pendidikan UTM 2000. UTM, Skudai.

Zuhaida Iberahim (2003). *Kesan penggunaan ABBM Microsoft Powerpoint dalam subjek C213 Teknologi Binaan dan Bahan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Tesis Pelajar. (Tidak diterbitkan)

